

UTUSAN MALAYSIA
25 MEI 2011 (RABU)
M/S 27

PTPTN sedia RM42 juta pendahuluan ke IPT

TEMERLOH 24 Mei - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menawarkan pinjaman sebanyak RM42.3 juta kepada 28,210 pelajar sebagai Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said (**gambar**) berkata, WPP ditawarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan setiap seorang

menerima sebanyak RM1,500.

Wang itu, kata beliau, sebagai persiapan membeli barangan keperluan untuk memasuki universiti.

“Sejak diperkenalkan pada 1999, PTPTN mengeluarkan peruntukan WPP sebanyak RM698 juta kepada 492,448 pelajar yang berjaya ke universiti.

“Daripada jumlah tersebut, 2,203 adalah



pelajar dari Pahang dengan peruntukan sebanyak RM3.2 juta,” katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Puteri UMNO Bahagian Kuala Krau di Bandar Tun Razak di sini semalam.

Menurut Ismail, seramai 115 pelajar dari Parlimen Kuala Krau turut ditawarkan WPP membabitkan peruntukan sebanyak RM172,000.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala

Krau berharap pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN berjimat dan menggunakan wang untuk kepentingan pengajian sahaja.

“Bukan mudah untuk mendapat pinjaman tersebut malah ramai antara mereka yang memohon gagal mendapatkan pinjaman tabung berkenaan.

“Saya harap tidak ada lagi kes pelajar menyalahgunakan wang tersebut sebagai modal untuk membeli dan mengedar dadah,” tegasnya.